

Tiga negara tangani kes culik, lanun di Selat Sulu

➔ Malaysia, Indonesia syor Filipina sertai kerjasama rondaan laut, udara



Najib bersama Jokowi ketika mengadakan Rundingan Tahunan Ke-11 di Istana Merdeka, di Jakarta, semalam.



ABDUL HALIM YUSOFF

halem@bh.com.my

Jakarta

Malaysia dan Indonesia mencadangkan diwujudkan kerjasama tiga hala dengan Filipina bagi menangani kes penculikan dan kegiatan lanun di Selat Sulu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Malaysia dan Indonesia sudah ada kerangka asas menangani kegiatan lanun di Selat Melaka menerusi rondaan bersama laut dan udara.

"Justeru kita percaya ketiga-tiga negara boleh bertindak bersama untuk menangani kes penculikan di kawasan berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kenyataan bersama Presiden Indonesia, Joko Widodo (Jokowi) selepas Rundingan Tahunan Ke-11 antara Malaysia-Indonesia di sini, semalam.

Najib dalam lawatan kerja tiga hari ke Indonesia untuk menyertai

rundingan tahunan dan Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-12 (WIEF Ke-12) bermula hari ini hingga Khamis.

Dalam rundingan semalam, yang pertama antara Najib dan Jokowi, Perdana Menteri berkata beliau sangat berpuas hati dengan hasil rundingan itu yang menterjemahkan banyak hasil dan persetujuan bersama.

Cari penyelesaian tuntas

Perdana Menteri berkata, dalam perbincangan itu mereka bersetuju mencari penyelesaian tuntas bagi kawasan maritim khususnya di Sulawesi Selatan.

"Kita ambil maklum ada sedikit kemajuan tetapi masih jauh daripada mencapai penyelesaian menyeluruh. Jadi, kedua-dua negara setuju untuk memberi mandat dan hala tuju baharu kepada utusan khas kedua-dua negara," katanya.

Rundingan Malaysia-Indonesia berlangsung sejak lebih 10 tahun bagi menyelesaikan kawasan sempadan dan hak milik di perairan selatan Sulawesi, namun masih belum ada keputusan muktamad.

Mengenai tenaga kerja Indone-

Fakta nombor

18
RAKYAT

Indonesia dan Malaysia diculik militan dari selatan Filipina di Selat Sulu antara Januari dan Julai 2016

sia, Perdana Menteri bersetuju segala isu yang perlukan penyelesaian seperti perlindungan kepada pekerja, saluran rasmi pengambilan pekerja, aspek pendaftaran semula dan peningkatan kemahiran tenaga kerja Indonesia.

"Berhubung isu ini, kita minta kumpulan petugas sumber manusia terus berunding dan mengambil tindakan susulan yang berseesuaian," katanya.

Berhubung penubuhan sekretariat Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) di Indonesia, Najib berkata, langkah itu akan diikuti dengan tindakan kerana ia adalah sumber sangat penting kepada rakyat kedua-dua negara.

"Bukan sahaja soal pemasaran dan isu menghadapi kumpulan anti minyak sawit, tetapi juga perlu fikir membabitkan soal penyelidikan bersama bagi menjadikan minyak sawit produk yang boleh diterima di seluruh dunia," katanya.

Mengenai kerjasama ekonomi, Najib berkata, Malaysia adalah pelabur kedua terbesar di Indonesia dan mahu dagangan dua hala mencecah AS\$30 bilion (RM120 bilion) dalam beberapa tahun akan

datang. Nilai dagangan dua hala tahun lalu RM60 bilion.

"Kita juga hargai peluang perniagaan yang diberikan kepada syarikat Malaysia dalam beberapa projek prasarana, termasuk lebuh raya baharu Cikopo-Palimanan sepanjang 116.8km, yang mana Kumpulan UEM mempunyai 55 peratus pegangan dalam syarikat pemegang konsesi selama 35 tahun," katanya.

Hari ini, Najib dan Jokowi akan menyaksikan pemeteraian perjanjian pembangunan perumahan kos rendah di Indonesia, membabitkan tiga syarikat berkaitan Kerajaan Malaysia.

Terdahulu, Najib dan Jokowi menyaksikan pemeteraian perjanjian dua hala antara Bank Negara Malaysia (BNM) dan Otoritas Jasa Keuangan Indonesia di bawah kerangka ASEAN Banking Integration Framework (ABIF) dan perjanjian penubuhan CPOPC.

➔ Lagi berita di Ms.B3

📺 Untuk video layari www.bharian.com.my